



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 31 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TANJUNG PIAI TITIK PENENTUAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -2 SIM: MINISTRY PROBING ORIGIN PLACE OF PORK CANNED FOOD IN THE MARKET, NATION, SIN CHEW DAILY -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	MAQIS RAMPAS 1,000KG AYAM SEJUK BEKU, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -35	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	MASALAH BENIH PADI BERTERUSAN, NASIONAL, HARAKAH -N29 PASTIKAN PH MENANG, JENTERA AMANAH DIKERAH KE TANJUNG PIAI, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TANJUNG PIAI TITIK PENENTUAN

Gelanggang Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai bakal menyaksikan lebih 53,000 pemilih akan melaksanakan tanggungjawab pada 16 November ini.

Kawasan luar bandar dengan majoriti pengundi Melayunya terdiri daripada petani dan nelayan pesisir pantai itu menarik perhatian ramai ketika era penyatuan Umno-Pas.

AMANAH sebagai parti komponen Pakatan Harapan (PH) perlu memberikan sepenuh tenaga bagi memenangi PRK kali kesembilan selepas PRU-14 itu.

Calon PH mesti menang bagi membolehkan lebih banyak pembangunan yang dirancang dalam dilaksanakan demi memastikan kemakmuran negara dapat dinikmati semua pihak.



Sejumlah RM14.5 juta projek prasarana Tanjung Piai diluluskan lebih awal sebelum PRK.

Headline	Sim : Ministry probing origin place of pork canned food in the market		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	31 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	8	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	133 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,006
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,018



沈志勤：
去年12月起
禁入口

查市面猪肉罐頭來源

報 道 許俊傑

(吉隆坡30日讯)农业及农基工业部副部长沈志勤说，该部目前正在著手调查市面上仍售卖的中国进口猪肉罐头产品，是属于旧货，或以非法管道进入市场销售的新货，并将在近期内采取对付行动。

非洲猪瘟没蔓延大马

他说，在砂拉越发现一个中国进口的午餐肉罐头，检测带有非洲猪瘟病毒后，该部接获民众投报，指市面上仍在销售中国进口猪肉罐头产品，因此该部官员已著手调查相关猪肉产品，是否以不法管道进入大马市场。

他在受询时对星洲日报说，自从传出非洲猪瘟疫情后，政府早在去年12月就禁止进口中国及其它疫区国家生产的猪肉产品，包括冷冻猪肉、肉干、腊肉、猪肉产品罐头等，至今仍未解除禁令。

“在严格管控下，非洲猪瘟疫情没有蔓延到大马，政府仍不时抽样调查，而发现中国品牌的午餐肉罐头，被检测出带有非洲猪瘟病毒，是在砂拉越发生的事。”

“政府会竭尽所能，防止非洲猪瘟疫情蔓延到大马，禁止来自疫区国家与地区，包括中国的猪肉产品进口，也是政府采取的对策之一。”

马来西亚杂货商总会总会长方志民日前表示，大马商家目前只向新加坡与欧洲进口午餐肉罐头，没有向中国进口相似货物，因此目前并没有中国品牌的午餐肉罐头，纵使还有，也只是仍未卖完的存货。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN	35

Maqis rampas 1,000kg ayam sejuk beku

RANTAU PANJANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas sebanyak 1,000 kilogram (kg) ayam sejuk beku sepanjang bulan ini.

Pengarahnya, Mohd Azam Yahya berkata, ayam sejuk beku yang dirampas itu tidak mempunyai dokumen import sah, sijil kesihatan dan halal dari negara asal iaitu Thailand.

“Sepanjang bulan ini empat kes rampasan membabitkan ayam sejuk beku dicatat. Ia menunjukkan peningkatan berbanding bulan-bulan lalu iaitu satu kes untuk September dan dua kes pada Ogos,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Azam berkata, kejayaan itu dicapai hasil kerjasama erat antara Maqis Kelantan bersama agensi penguat kuasa yang mengawal sempadan Malaysia-Thailand bermula dari Pengkalan Kubor (Tumpat) ke Bukit Bunga (Jeli).

Katanya, pihaknya akan terus melipat gandakan operasi membanteras aktiviti penyeludupan ayam sejuk beku daripada masuk ke Kelantan pada masa-masa hadapan.



Anggota Maqis memeriksa ayam sejuk beku yang dirampas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2019	HARAKAH	NASIONAL	N29

Masalah benih padi berterusan

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Pendang, Awang Hashim berharap Menteri Pertanian & Asas Tani, Dato' Salahudin Ayub perlu turun bertemu para petani untuk mengetahui masalah sebenar yang dihadapi.

Ini kerana kata beliau, sering kali petani meluahkan masalah yang masih tidak dapat diselesaikan terutama beknaan benih padi.

Katanya, dahulu benih padi diletakkan dalam satu beg 80 kg untuk satu hektar tetapi sekarang satu beg hanya 40 kg.

"Apakah ada sabotaj yang dilakukan kepada menteri pertanian sebab menteri jawab semua cukup. Bila kita turun ke bawah jumpa para petani, benih padi menjadi isu utama selain benih baja.

"Menteri jawab minggu lepas isu ini akan selesai. Sedangkan

perkara ini sudah setahun tidak selesai, jadi saya minta menteri turun ke bawah jumpa para petani dengar masalah sebenar," katanya dalam soalan tambahan sesi penggulungan Kementerian Pertanian & Asas Tani.

Beliau terkilan dengan jawapan menteri seolah-olah tidak ada masalah yang dihadapi oleh para petani.

Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, Dato' Salahudin Ayub berkata, secara keseluruhannya apa yang kerajaan bekalkan mengikut tempahan melalui PPK.

"Saya faham bila kita turun padang masih ada lagi kawasan yang bertompok-tompok tidak cukup bekalan.

"Maka untuk mengatasi kekurangan itu saya bercadang supaya kuasa untuk menentukan perolehan diserahkan kepada Ketua Setiausaha (KSU)," katanya.

Pastikan PH menang, jentera AMANAH dikerah ke Tanjung Piai

Cheh BORHAN AHMAD

AMANAH perlu memberikan sepenuh tenaga bagi memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai kerana ia titik penentuan dalam menentukan hala tuju Pakatan Harapan (PH).

Sehubungan itu, Timbalan Presiden AMANAH yang juga Pengarah Pilihanraya PH Johor, Datuk Seri Salahudin Ayub mahu semua jentera AMANAH digerakkan ke P165 Tanjung Piai.

"Kita mahu jentera pilihan raya AMANAH fokus kepada Tanjung Piai. Pastikan calon PH menang di sana," katanya yang berasal dari kawasan pilihan raya itu.

Kata Salahudin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, AMANAH akan memberikan dukungan penuh kepada calon PH yang diputuskan bersama oleh PH. "Kita mesti mempertahankan

Tanjung Piai kerana ia akan mencorakkan laluan masa depan PH," katanya kepada *Mingguan Amanah*.

Berhubung peruntukan RM3 juta bagi membaiki tiga jeti nelayan di Tanjung Piai, Johor yang diumumkan, 21 Oktober lalu, beliau berkata, projek tersebut bagi menunaikan janji bekas Ahli Parlimen Tanjung Piai, Allahyarham Datuk Dr Md Farid Md Rafik.

Menurutnya, peruntukan itu tidak ada kena-mengena dengan PRK Tanjung Piai yang akan berlangsung pada 16 November depan.

Malah, katanya, pengumuman itu bukan sesuatu yang pelik kerana beliau memang lahir dan tinggal di Tanjung Piai dan sentiasa dimaklumkan mengenai masalah penduduk di situ.

"Kita-kira RM14.7 juta peruntukan yang diluluskan kepada janji yang pernah dibuat Allahyarham Dr Farid dan apabila beliau me-



Tiga pengkalan nelayan dengan peruntukan RM3 juta bakal dibina di Tanjung Piai.

inggal dunia, kita bertanggungjawab menunaikan janjinya.

"Ia tanggungjawab kita, jadi kita tak perlu alergic atau apologetic dengan PRK apabila nak umum

kerana kita dalam kerangka dan minda sebuah kerajaan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Beliau mengulas kritikan pembangkang terhadap tindakan be-

berapa menteri yang mengemukakan peruntukan di Tanjung Piai, menjelang PRK.

Ditanya mengapa peruntukan itu tidak diumumkan selepas PRK, Salahuddin menegaskan ia perlu diumumkan kerana peruntukan sudah diluluskan.

"Kalau nelayan jatuh daripada jeti yang runtuh macam mana? Peruntukan dah sampai, saya kena umumkan. Takkan nak tunggu atau saya nak alergic dengan PRK, takut untuk umumkan peruntukan kerana bertakunya pilihan raya," katanya.

Ditanya beza jika peruntukan itu diumumkan selepas PRK-memandangkan jeti hanya akan dibaiki tahun depan, Salahuddin berkata:

"Saya nak umum esok apa salahnya? Saya nak umum semalam tak salah. Sebagai menteri, saya boleh umum apa yang saya yakin untuk mengemirakan rakyat," ujarnya lagi.